

Headline	Hanya khabar angin belaka		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	29	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	149 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fairul Asmaini Mohd Pilus	AdValue	RM 5,870
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,609



■ **TH nafi matawang Malaysia tidak diterima pengurup wang di Makkah, Madinah**

**Fairul Asmaini Mohd Pilus**  
asmaini@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**L**embaga Tabung Haji (TH) menafikan maklumat yang disebar melalui media sosial menge-

nai mata wang Malaysia tidak diterima pengurup wang di Makkah dan Madinah.

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat TH dalam satu kenyataannya memaklumkan pihaknya melakukan pemantauan menerusi Pejabat TH di Jeddah dan mendapati mata-

# Hanya khabar angin belaka

wang Malaysia diterima kebanyakannya pengurup wang di sana.

Selain itu, penyebaran maklumat mengenai penggunaan kad ATM atau debit

yang mempunyai fungsi pengeluaran wang antara bangsa kononnya tidak diterima juga tidak benar sama sekali.

Menurut TH, penggunaan

kad ATM atau debit berkenaan perlulah mengikut tatacara yang betul dan perlu diaktifkan fungsi pengeluaran antara-

bangsa. Justeru, jemaah Malaysia yang ingin ke Tanah Suci dan berhasrat menggunakan perkhidmatan kad ATM atau Debit dinasihatkan berhubung terus dengan bank berkaitan untuk maklumat penggunaan kad terbabit di luar negara.

**FAKTA**  
**TH di Jeddah pantau penggunaan mata wang Malaysia**